

# INTEGRASI SOSIAL DALAM NOVEL *BIRU WARNA*

**SITI NURUL FATIHAH MOHD SAIDI, ROSLINA ABU BAKAR, ARBA'IE SUJUD**

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia*

## Abstrak

Artikel ini merupakan kajian mengenai isu integrasi sosial dalam novel *Biru Warna*. Integrasi merupakan satu proses penyatuan masyarakat berbilang kaum yang hidup dalam sesebuah negara. Ia juga merujuk kepada proses mewujudkan identiti nasional dalam kalangan etnik yang terpisah-pisah dari segi budaya, agama, sosial dan kawasan penempatan. Integrasi sangat penting untuk mewujudkan sebuah negara yang lebih harmoni sekali gus dapat mengekalkan perpaduan antara kaum ke arah kemajuan negara. Peristiwa berdarah yang melibatkan isu perkauman pada 13 Mei 1969 perlu dijadikan iktibar. Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum. Sehubungan itu, konflik perkauman perlu dijawab agar matlamat negara ke arah Wawasan 2020 terlaksana. Semangat perpaduan dan integrasi antara masyarakat amat penting diamalkan dalam sesebuah negara membangun. Justeru, kajian ini akan merungkai persoalan integrasi sosial menerusi novel *Biru Warna*. Kajian ini berfokus kepada skop integrasi sosial yang berkaitan dengan isu keterbukaan iaitu budaya serta pendidikan, isu penolakan iaitu perkahwinan campur dan penyimpangan sosial dan isu ideologi yang dibawakan menerusi novel *Biru Warna*. Novel *Biru Warna* dihasilkan pada dekad 60-an dan menggambarkan situasi masyarakat dan negara ke arah pengisian kemerdekaan. Sehubungan itu, kajian ini untuk memperlihatkan kepentingan semangat integrasi dalam masyarakat yang berbilang kaum sebagai landasan kepada masyarakat.

Kata Kunci: Integrasi, Sosial, keterbukaan, penolakan, ideologi

## PRAWACANA

"Tapi kau masih seorang guru agama sekarang, Ram. Pendirian kau masih pendirian seorang Islam. Aku belum membuat kau lari dari agama kau," Swee Lan cuba membela dirinya.

*(Biru Warna, hlmn 270-271)*

Petikan tersebut menggambarkan ciri-ciri pluralisme dalam ilmu sosial. Ia menggambarkan hubungan interaksi dalam kalangan kelompok yang mempunyai rasa saling menghormati dan toleransi satu sama lain. Mereka hidup bersama (koeksistensi) tanpa membibitkan konflik asimilasi. Menurut Noriati A. Rashid (2010), integrasi nasional merupakan satu proses penyatuan antara kumpulan manusia yang berbeza dari segi latar belakang, status sosial dan budaya untuk membentuk entiti yang mempunyai pegangan norma serta mengamalkan kehidupan bersama. Kajian ini adalah berlatarkan isu integrasi sosial yang akan diteroka menerusi novel *Biru Warna* karya Awang Had Salleh. Ia adalah antara novel kemasyarakatan yang sarat dengan isu integrasi dan berupaya membawa pengajaran dan kepada masyarakat. Novel tersebut telah diterbitkan pada tahun 1966 oleh pihak Usaha Penerbitan Menara, Kuala Lumpur. Seterusnya novel ini telah diulang cetak sebanyak dua kali oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1974 dan 1976. Novel ini mempunyai 278 halaman bercetak dan kisahnya berkisar mengenai keperitan hidup sebuah keluarga yang terpaksa mengharungi zaman kesukaran selepas era penjajahan. Novel ini juga mempunyai falsafah nilai, persoalan mengenai pendidikan serta pelbagai persoalan yang berkaitan dengan soal perkauman antara masyarakat yang mempunyai pandangan budaya dan agama yang berbeza.

Malayan Union di Tanah Melayu mencetuskan fenomena penolakan masyarakat Melayu terhadap penjajah kerana ketidakpuasan hati, kebimbangan akan kedudukan dan keistimewaan raja-raja Melayu dan kaum Melayu khususnya terhakis. Bertitik-tolak daripada fenomena tersebut, novel *Biru Warna* jelas memperlihatkan hubungannya dengan disiplin ilmu sejarah khususnya sejarah Malaysia. Pelaksanaan dasar 'pecah dan perintah' (*divide and rule*) oleh pihak Inggeris ketika zaman penjajahan meninggalkan pelbagai impak yang melahirkan pelbagai senario masyarakat. Fenomena tersebut digarab menerusi novel *Biru Warna* oleh penulisnya dengan gambaran yang menarik serta sarat dengan mesej yang wajar ditaakul oleh masyarakat pembaca. Antaranya, fenomena penerimaan dan penolakan masyarakat terhadap sistem pentadbiran pada zaman penjajahan Inggeris di Tanah Melayu dan setelah berakhirnya zaman imperialisme. Komuniti masyarakat yang terpisah mengikut kaum turut digambarkan menerusi watak-watak ciptaan penulis yang berkonflik sesama sendiri.

Fenomena tersebut adalah rentetan daripada penghijrahan kaum Cina dan India beramai-ramai ke Tanah Melayu pada abad ke-19. Kedatangan para imigran ini telah membentuk masyarakat berbilang kaum yang mempunyai kepelbagaian cara hidup dan keturunan. Sehubungan itu, perubahan struktur kependudukan asal telah menyebabkan

kesan ke atas identiti dan budaya seperti kekangan perhubungan langsung, perbezaan pegangan serta ideologi dan jurang ekonomi antara kaum. Justeru, strategi pembentukan perpaduan antara kaum perlu dilaksanakan seperti integrasi ekonomi, penyatuan fahaman politik dan penerapan aspek-aspek sosial dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Menurut Sufean Hussein (1996), integrasi bermaksud menyatukan etnik atau kelompok yang terasing pada asalnya kepada satu bentuk lain yang tersendiri. Menurut Khalid Yaakub (1982) pula, integrasi merupakan proses menyatupadukan secara budaya dan sosial kelompok-kelompok sosial yang berbeza kepada satu unit yang mempunyai identiti umum dan tersendiri. Mohd Salleh Lebar (1998) pula menyatakan bahawa integrasi yang diterima atau yang biasa dikehendaki ramai adalah satu proses yang cuba menyatupadukan masyarakat majmuk atau pelbagai kaum dan mewujudkan pembentukan Kebudayaan Kebangsaan atau nasional yang tersendiri dalam kalangan mereka.

Kajian ini melatari hubungan sosial yang cuba dibawa oleh penulis novel *Biru Warna*. Sehubungan itu, kajian mengenai integrasi sosial antara masyarakat menerusi novel *Biru Warna* dirungkai agar dapat dijadikan panduan kepada masyarakat ke arah merealisasikan ideologi negara iaitu Rukun Negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan serta rancangan dan wawasan pembangunan negara.

## **INTEGRASI SOSIAL DALAM NOVEL *BIRU WARNA***

Novel *Biru Warna* diterbitkan ketika negara mengharungi zaman pengisian pemodenan selepas kemerdekaan. Penjajahan Inggeris di Tanah Melayu menekankan dasar 'buka pintu' kepada warga asing untuk bekerja dan bermastautin di Tanah Melayu. Pada zaman penjajahan, pelbagai pembaharuan dasar dan peraturan telah diperkenalkan. Kebanyakan dasar dan peraturan yang diperkenalkan adalah memberi kelebihan kepada pihak Inggeris untuk mengukuhkan kuasa mereka di Tanah Melayu. Ketika pemerintahan Inggeris, kemasukan para imigran dari negara China dan India giat dilaksanakan. Imigran ini telah diberikan peluang yang luas dalam aktiviti ekonomi di Tanah Melayu. Pihak Inggeris telah berjaya melaksanakan dasarnya untuk mencari kekayaan melalui pembukaan dan perluasan ladang-ladang getah, lombong bijih timah, kelapa sawit dan juga perlombongan emas dan perak. Sehubungan itu, terciptalah kawasan penempatan berdasarkan kaum dan pelaksanaan aktiviti ekonomi mereka. Dasar liberal Inggeris

terhadap kemasukan imigran Cina dan India ini menyebabkan terbentuknya masyarakat negara yang berbilang kaum, pelbagai cara hidup dan keturunan. Fenomena tersebut turut digambarkan oleh penulis menerusi novel *Biru Warna* sebagaimana petikan berikut:

"Kedai banyak tak?"

"Ada satu deret"

"Sini ada satu saja!"

"Di sana banyak: ada kedai China, ada kedai Keling. Ada kedai rempah cabai dan kedai gunting rambut, ada kedai baiki basikal, ada kedai kopi."

"Kedai Melayu ada tak?"

"Oh, ya! Kedai Melayu tak adalah! Tapi seminggu sekali ada orang Melayu berniaga-Pekan Selasa. Macam-macam barang dijual."

*(Biru Warna, 1966:25-26)*

Petikan tersebut memperlihatkan fenomena masyarakat yang telah wujud sejak zaman disentralisasi yang bermotifkan penguasaan ekonomi oleh kerajaan Inggeris. Gambaran masyarakat majmuk di Kampung Sungai Dua menggambarkan kepelbagaian kaum yang mewakili Melayu, Cina dan India. Petikan tersebut menggambarkan ketidakseragaman pengagihan kegiatan ekonomi. Hasil ekonomi dimonopoli oleh kaum Cina manakala kaum peribumi ketinggalan. Fenomena ini berupaya mencetuskan pelbagai isu yang melibatkan sentimen perkauman dan propaganda antara kaum dalam tempoh waktu yang lama.

Integrasi sosial adalah proses mengintegrasikan sesuatu masyarakat dan ia mengakibatkan pertembungan pelbagai budaya dalam kalangan masyarakat. Perpaduan dan kesejahteraan antara kaum sewajarnya sentiasa disemai kerana ia adalah amat penting dan merupakan penggerak kepada kemajuan sesebuah negara. Sehubungan itu, penulisan ini akan merungkai kewujudan isu-isu integrasi kesan daripada sentimen perkauman akibat diskriminasi antara kaum. Antaranya ialah isu keterbukaan iaitu budaya dan pendidikan, isu penolakan iaitu perkahwinan campur serta penyimpangan sosial dan isu ideologi yang dibawakan menerusi novel *Biru Warna*. Novel *Biru Warna* yang latar waktu dan peristiwanya berlaku pada akhir tahun 1960-an menggambarkan tema kemasyarakatan yang berupaya menyisipkan mesej secara implisit dan eksplisit kepada

pembaca. Antara isu-isu integrasi yang akan dirungkai adalah isu keterbukaan iaitu budaya serta pendidikan, isu penolakan iaitu perkahwinan campur serta penyimpangan sosial dan ideologi. Ia sebagaimana menurut Asmiaty Amat (2000:20), hubungan sosial adalah perhubungan yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Ia terjalin menerusi persahabatan, percintaan, perkahwinan, masalah-masalah sosial yang berlaku dan juga pendidikan.

## **ISU KETERBUKAAN**

Zaman imperialisme telah meninggalkan pelbagai pengajaran kepada rakyat Malaysia. Setelah tercapainya kemerdekaan, negara berusaha pula ke arah pengisian kemerdekaan untuk pemantapan ekonomi, politik dan sosial. Namun demikian, pemantapan sesebuah negara dari aspek ekonomi, politik dan sosial amat memerlukan keharmonian antara masyarakat yang berbilang kaum. Sehubungan itu, pada 31 Ogos 1970 terbentuknya ideologi Kebangsaan iaitu Rukun Negara. Pembentukannya adalah ke arah mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat, memelihara cara hidup demokratik, mencipta satu masyarakat yang adil dan saksama, menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbilang-bagai corak serta membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

## **ISU BUDAYA**

Proses asimilasi ke arah kebudayaan nasional dan akomodasi adalah amat penting dalam kehidupan masyarakat yang mengalami pluralisasi. Keterbukaan menerima budaya lain dalam amalan dan sikap masyarakat majmuk amat penting untuk kesejahteraan dan keharmonian sesebuah negara. Fenomena perpaduan antara masyarakat berbilang kaum yang mengalami proses akomodasi iaitu perbuatan menyesuaikan diri dengan orang lain atau persekitaran turut disisipkan menerusi novel *Biru Warna*. Penulis menggambarkan watak-watak yang mewakili masyarakat minoriti dan masyarakat tersebut bersedia menerima budaya ibunda dan budaya tempatan yang lebih menonjol. Integrasi dan hubungan antara kaum turut digambarkan oleh penulis novel ini agar keterbukaan menerima budaya antara kaum dapat direalisasikan oleh masyarakat pembaca ke arah pembentukan negara makmur dan maju. Berikut adalah petikan yang memaparkan fenomena tersebut:

"Satu dua hali lagi, itu macam la?"

"Bagi tau saya- kita pergi sama-sama. Saya mau bawa Ali."

"Eh, Ali!" Swee Lan keluar dari dalam. "Awak nak ke sekolah Inggeris jugakah?"

Ali mengangguk kemudian memuncungkan mulut ke arah bapanya.

"Cikgu," kata Swee Lan. "Bagi Ali masuk sekolah Inggeris. Saya boleh pergi dengan dia."

Kemudian kepada bapanya dia bercakap dalam bahasa Cina. Bapanya mengangguk-angguk. Kemudian kepada Mahmud bapanya berkata,

"Swee Lan cakap Ali banyak pandai. Dia banyak suka pigi baca buku sama dia." Ditepuk-tepuk perlahan perutnya dengan tangannya yang tadi senantiasa meraba-raba.

*(Biru Warna, 1966: 5)*

Petikan tersebut menggambarkan keterbukaan menerima budaya antara kaum yang berbeza. Watak Ali iaitu anak lelaki Cikgu Mahmud dan Swee Lan digambarkan sebagai watak-watak yang berbilang bangsa tetapi bersahabat baik sejak di sekolah rendah. Novel *Biru Warna* turut menyisipkan amalan murni iaitu sikap bekerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain walaupun mereka terdiri daripada kaum yang berbeza. Watak Ali digambarkan sering membantu Swee Lan membaca dan melukis. Oleh kerana itu, Swee Lan gemar bersahabat dengan Ali yang juga sering berkunjung ke rumah Swee Lan untuk mengulangkaji pelajaran bersama. Sekiranya Swee Lan berkunjung ke rumah Ali dan mengulangkaji pelajaran bersama, Cikgu Mahmud turut melayan Swee Lan dengan layanan yang sempurna. Keterbukaan menerima budaya antara kaum ini diperlihatkan menerusi petikan berikut:

"Ha, Swee Lan pun ada di sini?"

"Saya datang minta tolong Ali, Cikgu."

"Ramli yang menolong, ayah, Ali tak pandai melukis."

Ha, ha, ha, ketawa Mahmud. Hilang sudah kerut pada mukanya dalam perjalanan pulang tadi.

"Cikgu hantarlah Ramli ke sekolah Inggeris," kata Swee Lan.

Mahmud melihat Ramli yang sekarang telah bangun, menghulurkan gambarnya yang telah siap kepada Swee Lan melalui Ali.

“Kalau dia di sekolah Inggeris tentu guru puji hari-hari,” sambung Swee Lan lagi.

Ramli perlahan-lahan mengundurkan diri.

“Saya pulang dulu, ya Cikgu Ali. Saya pulang dulu.”

*(Biru Warna, 1966:42)*

Petikan tersebut menggambarkan hubungan persahabatan yang terjalin antara kaum yang berbeza agama dan budaya. Fenomena tersebut menggambarkan sikap keterbukaan menerima budaya antara dua kaum yang berbeza. Kesanggupan watak Swee Lan berkunjung ke rumah Ali juga menggambarkan bahawa mereka mempunyai hubungan yang baik walaupun berlainan bangsa dan agama.

Novel *Biru Warna* turut memperlihatkan watak-watak pelbagai kaum yang mempunyai sikap keterbukaan menerima budaya antara kaum. Watak Swee Lan, Ramli dan Ali mewakili masyarakat majmuk yang mempunyai sifat toleransi dan terbuka minda untuk menerima budaya asing. Mereka tetap bersahabat dan tiada mempunyai perasaan prejudis antara satu sama lain walaupun berbeza dari segi agama, adat, kepercayaan dan budaya. Ia sebagaimana petikan berikut:

Swee Lan mengeluarkan bekalan, begitu pula Ramli dan Ali.

“Apa yang kau bawa Swee Lan?” Ali bertanya.

“Biskut dan air kopi.”

“Cuma itu?” Tanya Ali lagi.

“Pisang emas.”

“Kami bawa nasi lemak dan kopi.”

“Kalau saya bawa nasi, takkan kau berdua mau makan.” “Kau tak bawa Swee Lan.

Macam manalah kami nak makan?” Ramli yang mulanya berasa kurang sedap dengan teguran Swee Lan itu, mencuba mengambil hati.

“Kalau saya bawa pun, kau tetap tak makan. Saya tau sikap orang Melayu. Lain halnya dengan kami. Saya makan nasi masakan orang Melayu. Kami di rumah makan ulam pucuk janggus dengan sambal belacan. Ya, saya bukan olok-olok.”

"Memang kami makan,' Ramli bersusah payah lagi membetul-betulkan. "Di kampung saya, abang saya kadang-kadang hampir tiap-tiap dua hari sekali makan di Kedai Ba. Kami tak makan kalau orang Cina tu pelihara babi. Ba Kedai di kampung saya tak bela. Kau pun tidak." "Oh, begitu."

(*Biru Warna*, 1966:191)

## **ISU PENDIDIKAN**

Era penjajahan Inggeris di Tanah Melayu telah membawa beberapa pelaksanaan dasar dalam bidang pendidikan. Situasi pendidikan ketika era penjajahan Inggeris telah membawa impak kepada perhubungan antara kaum di Tanah Melayu. Zaman imperialisme telah memperkenalkan pendidikan vernakular iaitu sistem pendidikan yang berasingan mengikut kaum. Setiap kaum mempunyai sistem pendidikan tersendiri seperti pendidikan vernakular Melayu, India, Cina dan Inggeris. Sistem pendidikan vernakular secara berasingan mengikut kaum mengakibatkan ketidakseragaman dalam sistem pendidikan dan ia membawa impak kepada perhubungan antara kaum selepas tercapainya kemerdekaan negara. Fenomena ini turut diperlihatkan menerusi novel *Biru Warna*.

Contohnya, novel *Biru Warna* turut memaparkan sikap keterbukaan akan kepentingan pendidikan dalam kalangan generasi baru. Ia digambarkan menerusi watak dan perwatakan Mahmud yang bersikap terbuka terhadap sekolah aliran Inggeris yang dipercayai membuka ruang baru dalam bidang pendidikan. Mahmud sanggup memujuk abangnya iaitu Hj. Harun agar berfikiran positif dengan menghantar Ramli ke sekolah aliran Inggeris. Ramli adalah anak lelaki kepada Haji Harun yang telah tamat darjah lima dengan cemerlang. Namun demikian, Haji Harun tidak membenarkan Ramli bersekolah aliran Inggeris. Haji Harun tetap menegaskan kepincangan Inggeris yang telah merampas tanah air. Beliau turut berpendapat bahawa pendidikan aliran Inggeris akan memesongkan akidah dan memurtadkan orang Islam. Antara contoh petikan yang menggambarkan fenomena tersebut adalah:

"Ah," bangga Haji Harun. "Pasal pelajaran tak gaduh. Darjah lima sekolah dia dulu tu, dia dapat nombor satu."

"Itulah kata saya. Sekolah Melayu tempat dia belajar tu tak ada darjah atas lagi dah. Biar saya bawa dia tinggal di rumah saya. biar dia pergi sekolah Inggeris sama-sama Ali."



"Ah, itu yang aku susah tu."

"Apa yang nak disusahkan. Makan di rumah saya takkanlah tak berlauk."

"Bukan itu Mud. Aku mahu dia selamat dunia akhirat. Sekolah Inggeris itu sekolah kapir. Aku mau hantar dia ke sekolah Arab. Kemudian ke Mekah berguru kepada tuk alim barang sepuluh, lima belas tahun. Bila balik kelak dia mengajar orang kampung di sini. Aku dah tua. Imam masjid ni siapa nak ganti?"

"Abang, berapa banyak orang-orang Melayu yang belajar sekolah orang putih alim dan beriman. Berapa banyak pula orang-orang kita yang tak ke sekolah orang putih tu menyamun. Merampas. Merogol?"

"Hmm, susah aku memikirkannya."

*(Biru Warna, 1966:17)*

Sebelum zaman imperialisme, orang Melayu dididik mengenai hal-ehwal agama dan berlandaskan kepada kitab suci al-Quran. Aktiviti mereka terhad kepada membaca Quran, mengingat dan menghafaz doa serta mempelajari prinsip-prinsip agama Islam. Namun demikian, setelah bermulanya era imperialisme Inggeris di Tanah Melayu, sistem pendidikan tersebut telah mengalami perubahan ke arah sistem pendidikan yang lebih sistematik. Anak-anak Melayu yang bercita-cita tinggi dan ingin melanjutkan pelajaran terpaksa memasuki sekolah menengah aliran Inggeris di bandar. Petikan tersebut menggambarkan ideologi negatif masyarakat Melayu terhadap aliran pendidikan Inggeris yang dipercayai akan memesongkan dan mempengaruhi akidah anak-anak Melayu.

Novel *Biru Warna* turut memaparkan persoalan mengenai kesengsaraan masyarakat Melayu dalam menjalani kehidupan seharian, khususnya keterbatasan mereka menyempurnakan persekolahan anak-anak. Contohnya, kemiskinan yang dialami oleh masyarakat Melayu pada zaman tersebut menyukarkan anak-anak Melayu untuk menyambung pengajian ke peringkat tertinggi. Di samping itu, mereka terpaksa mengharungi zaman kesukaran, menjalani kehidupan yang daif dan serba kekurangan berbanding dengan kekayaan kaum pendatang yang lebih utuh dari segi ekonomi. Antara contoh petikan yang menggambarkan kedaifan hidup anak-anak Melayu pada zaman imperialisme dan rasa ketidakpuasan hati masyarakat Melayu terhadap kaum imigran adalah seperti berikut:

Petikan 1:

Berjalan lagi Cikgu Mahmud. Kuku mereka sama sahaja, sebab hidup mereka juga sama saja. Sekadar menakutkan, seorang dua kanak-kanak itu harus dipukul.

"Duduk semua!"

Menderu bunyi kanak-kanak duduk di bangku.

"Angkat tangan siapa pakai kasut?"

Tiga orang kanak-kanak angkat tangan.

"Orang lain mengapa tak beli kasut?"

Diam.

Masing-masing tunduk.

"Sekarang musim padi. Duit banyak. Mengapa tak beli kasut?"

...

Pakaian murid-muridnya itu dilihatnya lasam, berdebu dan kotor. Dia tidak bertanya mengapa pakaian mereka kotor. Sedih hatinya bila kelak murid-muridnya itu berkata: "Telaga kering Cikgu. Air minuman pun payah dapat." Dia boleh juga bertanya lagi, mengapa mereka tidak menggunakan air sungai? Akan malu nanti bila dijawab murid-murid itu: "Memang kami basuh di sungai, Cikgu." Dan tak payah disambung lagi murid-murid itu, dia sudah tahu yang air sungai musim itu merah warnanya. Penuh sampah. (*Biru Warna*, 1964:32)

Petikan 2:

"Eh, Cina!" jawab Haji Harun berpaling semula ke dalam.

"Dah besar sikit nampaknya!"

"Eh, Cina!" jawab Haji Harun senyum menyindir.

Kemudian dengan suara bersungguh-sungguh,

"Bukankah dunia ni hak mereka. Kita tak ada hak di sini." Tepat dipandangnya kepada Ramli yang sekarang telah sia, bersandar di dinding – tertib dan sopan senantiasa. "Tempat kita di akhirat. Di syurga... "

(*Biru Warna*, 1964: 11)

Petikan 3:

Ah Kau bukan saja dapat kekayaan negeri ini. Dia nanti dapat hak macam kita juga! Itu pasalnya!"

(*Biru Warna*, 1964:43)

Selain itu, novel *Biru Warna* turut memaparkan kepentingan fenomena integrasi dalam pendidikan ke arah pembentukan negara maju. Petikan berikut menggambarkan hubungan erat antara dua kaum yang berbeza tetapi masih bersatu, bekerjasama dan

saling memberi sokongan untuk terus maju. Watak Ramli dan Swee Lan mengetepikan perbezaan kaum malah sentiasa berusaha untuk menempa kejayaan dalam bidang pendidikan. Swee Lan dan Ramli yang bersekolah aliran Inggeris sering menghabiskan waktu bersama untuk mengulangkaji pelajaran walaupun hubungan mereka mendapat tentangan daripada bapa Swee Lan yang amat berpegang teguh kepada agama Buddha dan kepercayaan adat budaya. Bapa Swee Lan tidak mahu anak gadisnya itu berkawan rapat dengan Ali yang beragama Islam. Berikut adalah contoh petikan:

Petikan 1:

“Orang-orang yang mau maju harus meninggalkan sarangnya,” Swee Lan menyampuk.

(*Biru Warna*, 1966:271)

Petikan 2:

“Sekarang aku mempunyai kelulusan...berkat pertolongan kau. Tapi orang-orang *English-educated* masih belum dapat menerima aku sebagai setaraf. Dan di antara dua golongan ini, aku terhimpit.”

“Tapi ada juga guru-guru sekolah kita yang mesra dengan kau,” kata Swee Lan.

“Dua tiga orang, ya. Tapi kawan-kawan aku, Cikgu Yusof, Cikgu Osman, Cikgu Murad dan banyak lagi menjauhkan diri, Swee Lan. Manisku.”

“Jadikan itu satu cabaran,” kata Swee Lan.

“Ya, itu satu cabaran”. Aku menerimanya. Sebab itulah aku bersetuju bila kau ajak aku masuk H.S.C. Aku mau pergi lebih jauh dari sini.”

“Kau menghidap penyakit *inferiority-complex*, Ram. Tapi dalam hal ini, penyakit itu menguntungkan kau,” kata Swee Lan.

(*Biru Warna*, 1966:272)

Petikan 3:

“Bagaimana kau dengan ayah kau?”

“Dia tak mengaku aku anaknya,” kata Swee Lan.

... “Tak ada satu pun yang dapat kita perolehi tanpa pengorbanan, Ramli,” kata Swee Lan.

(*Biru Warna*, 1966: 246-247)

Fenomena tersebut memperjelaskan bahawa semangat integrasi antara kaum yang berbeza amat perlu ke arah pembentukan negara bangsa. Contohnya, selain

bersahabat baik dengan Ramli, Swee Lan turut menjalinkan persahabatan dengan Ali yang beragama Islam. Swee Lan tidak merasa janggal untuk berkunjung ke rumah Ali untuk mengulangkaji pelajaran. Mereka menyedari kepentingan ilmu dan impaknya kepada kemajuan masyarakat dan negara walaupun mendapat tentangan daripada tauke Ah Kau iaitu ayah Swee Lan. Antara contoh petikan yang memaparkan hubungan baik antara watak yang memperlihatkan semangat integrasi dan perpaduan adalah sebagaimana berikut:

Ali berjalan pulang pulang, melintas kedai Swee Lan.

"Eh, Ali!"

Ali berhenti.

"I pergi rumah you petang ni tau, pasal *homework* ya?"

"Datanglah," kata Ali yang mulai berjalan kembali.

"Apa kau kata, nak?" tanya Ah Kau kepada Swee Lan. "Tak ada apa-apa papa."

"Macam mana tak ada apa-apa?"

Agak keras sedikit suara Ah Kau.

"Ini pasal pelajaran sekolah." Swee Lan menerangkan.

"Kau lihat tu?" Tanya Ah Kau. Swee Lan yang melihat apa yang cuba ditunjukkan oleh bapanya mengangguk.

"Aa, ingat," kata Ah Kau. "Ingat datuk nenek kau, mereka sudah lama mati. Tapi mereka datang melihat-lihat."

Dilihat-lihatnya ke dinding di mana terdapat satu papan persembahan yang di atasnya terdapat batang-batang gaharu dan sebiji dua buah-buahan. Kertas merah dengan tulisan-tulisan China terlekat di papan menjadi latar belakang kepada gaharu yang sedang berasap.

(*Biru Warna*, 1966: 37-38)

Pendidikan dalam kalangan masyarakat berupaya menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara. Perkongsian ilmu di samping keterbukaan minda dalam kalangan masyarakat yang pelbagai kaum perlu diwujudkan ke arah mencapai pembangunan negara dan wawasan 2020. Novel *Biru Warna* turut memperlihatkan isu perkauman menerusi pendidikan. Perbezaan ideologi antara generasi tua dan muda yang berlainan kaum menyebabkan kekangan kepada aspirasi negara ke arah negara maju menjelang 2020. Fenomena tersebut turut digambarkan menerusi novel *Biru Warna* yang menggambarkan ketidakpuasan hati dan sikap prejudis antara dua kaum yang berbeza

iaitu Melayu dan Cina. Menerusi novel *Biru Warna*, watak Haji Harun digambarkan sebagai seorang watak yang tidak gemar dengan tindakan anaknya yang bersahabat dengan anak gadis berketurunan Cina. Haji Harun juga tidak membenarkan anaknya bersekolah di sekolah aliran Inggeris. Haji Harun sebagai kaum peribumi berpandangan bahawa tiada kaum lain yang lebih istimewa daripada kaum Melayu dan kaum yang mendatang tidak selayaknya menetap di Tanah Melayu. Contoh petikan:

“...Cina tu kapir. Habis apalah yang susah payah ditolong.”

(*Biru Warna*, 1966:18)

## **ISU PENOLAKAN**

Masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum perlu mempunyai sikap toleransi antara satu sama lain. Setelah Tanah Melayu memperolehi kemerdekaan terdapat pelbagai peristiwa dan isu yang wujud akibat rasa ketidakpuasan hati antara masyarakat berbilang kaum. Sentimen perkauman semakin menular sehingga berlakunya tragedi berdarah 13 Mei, 1969. Sehubungan itu, terdapat pelbagai strategi dan pelaksanaan dasar yang dikemukakan oleh kerajaan untuk membendung gejala perkauman di negara ini. Kemajuan negara tidak akan tercapai andainya masyarakat berbilang kaum di negara ini masih tidak bersatu padu dan mengamalkan sikap toleransi antara satu sama lain. Fenomena tersebut dapat disama ertikan dengan penolakan budaya yang terdapat dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dalam negara. Penolakan budaya membawa maksud penentangan terhadap sesuatu budaya, nilai dan cara hidup. Kajian ini menyorot isu penolakan antara pelbagai kaum yang terdiri daripada perkahwinan campur dan penyimpangan sosial yang terdapat dalam novel *Biru Warna*.

## **PERKAHWINAN CAMPUR**

Perkahwinan campur adalah perkahwinan antara dua individu yang berlainan agama, bangsa serta kewarganegaraan. Pluraliti budaya di Tanah Melayu merupakan hasil pertemuan dan pertembungan pelbagai budaya yang melahirkan fenomena sosial yang istimewa di alam Melayu. Contohnya, ia berlaku akibat proses akomodasi kaum seperti Cina dan India dengan penduduk tempatan. Kemuncak pluraliti alam Melayu berlaku ketika kesultanan Melayu Melaka dan fenomena perkahwinan campur ini turut dimuatkan dalam teks *Sejarah Melayu*. Ia bertujuan untuk mengeratkan hubungan diplomatik antara negara. Contoh petikan:

Maka Sultan Mansor Syah pun hairanlah melihat paras tuan putri anak Raja China itu. Maka disambut baginda Putri Hang Li Po itu, disuruh masukkan Islam. Telah sudah Islam, maka Sultan Mansor Syah pun kahwin dengan Putri Hang Li Po itu, beranak seorang laki-laki, dinamai baginda Paduka Mimat; ia beranakkan Paduka Seri China, ayah Paduka Ahmad, ayah Paduka Isap. Maka segala anak menteri China yang lima ratus disuruh baginda Islamkan, disuruh diam di Bukit China.

*(Sejarah Melayu, 1896:96)*

Perkahwinan campur berupaya mengeratkan hubungan antara dua kaum yang berbeza, memupuk semangat integrasi dan perhubungan budaya yang natural sifatnya. Namun demikian, terdapat kekangan yang menyebabkan penolakan proses perkahwinan campur ini. Novel *Biru Warna* memaparkan sikap prejudis watak Haji Harun yang menolak perkahwinan campur antara dua kaum yang berbeza. Haji Harun tidak menyenangi hubungan persahabatan antara anaknya Rahim dan anak gadis tauke berketurunan Cina. Haji Harun telah memulaukan anaknya Rahim setelah mendengar khabar mengenai hubungan cinta anak lelakinya itu. Rahim dikhabarkan telah membantu keluarga Tan Gek Hoon berniaga serta bergaul rapat dengan anak gadis tauke Cina itu. Contoh petikan yang menggambarkan mengenai sikap penolakan Haji Harun terhadap perbuatan anaknya Rahim adalah seperti berikut:

"Ini baru aku cakap baik dengan dia, Mud." Kata Haji Harun separuh lesu, seolah-olah memaafkan dirinya sendiri.

Mahmud girang.

"Kau tau Mud. Macam mana hati seorang bapa seperti aku. Aku mau Rahim dan Ramli masuk syurga sama-sama aku. Cina tu kapir. Habis apalah yang susah payah ditolong, sampai jadi buah pertuturan orang kampung."

*(Biru Warna, 1966:18)*

Petikan tersebut menggambarkan rasa tidak senang Haji Harun terhadap perbuatan anak lelakinya Rahim yang telah membantu keluarga Tan Gek Hoon berniaga. Haji Harun terlalu prejudis terhadap etnik Cina dan beliau menganggap bahawa kaum Cina tidak sewajarnya dibantu oleh kaum Melayu yang beragama Islam. Rahim akhirnya telah dipulaukan oleh ayahnya sendiri yang tidak dapat menerima hakikat bahawa anak lelakinya Rahim berhubung rapat dengan keluarga Tan Gek Hoon.

Haji Harun juga amat kecewa dan tidak dapat menerima keputusan anak-anak kesayangannya iaitu Rahim dan Ramli yang ingin memperisterikan gadis berketurunan Cina. Selain Rahim, Ramli yang merupakan anak lelakinya juga turut mengambil keputusan memilih anak gadis tauke Ah Kau yang memiliki kedai runcit di Kampung Sungai Dua sebagai bakal isterinya. Hasrat Rahim dan Ramli yang ingin memperisterikan gadis keturunan Cina amat mengecewakan Haji Rahim dan ia digambarkan menerusi petikan berikut:

... "Siapa Mahmud?" Haji Harun bertanya.

"Anak Ah Kau, Cina kedai dekat rumah saya di Sungai Dua, abang!"

"Apa kau buat di rumahnya ni, nak?" Haji Harun bertanya, lemah suaranya.

Baik bom itu digugurkan sekarang, fikir Ramli, daripada dilewatkan letupannya.

"Saya nak kahwin dengan dia, ayah!"

"Ya Allah," kata Haji Harun. Kembali pitam dunianya. Lebam-lebam semula kelihatan mukanya." Kau pun dengan Cina jugakah?" katanya sambil bangun.

"Mahmud! Mahmud! Bawa aku pulang, Mud.

*(Biru Warna, 1966:277-278)*

Petikan di atas menggambarkan kekecewaan Haji Harun terhadap keputusan anak-anak kesayangannya yang ingin memperisterikan gadis berketurunan Cina. Sentimen perkauman jelas tergambar menerusi watak Haji Harun yang menegaskan larangan perkahwinan campur dalam kalangan anak-anaknya. Penolakan Haji Harun terhadap perkahwinan campur juga disebabkan oleh persekitaran kehidupan sehariannya yang tidak mendedahkan beliau terhadap proses perubahan budaya malah beliau juga adalah seorang Muslim yang taat kepada Allah, melakukan suruhan dan tidak melanggar larangan-Nya.

Persoalan yang dibawakan oleh penulis novel *Biru Warna* memaparkan fenomena sosial yang berlaku ketika zaman imperialisme. Ketika zaman penjajahan Inggeris di Tanah Melayu, situasi polarisasi kaum berlaku di mana hubungan antara kaum iaitu Melayu, Cina dan India menjadi merenggang antara satu sama lain. Ia disebabkan oleh perasaan, sikap, tujuan dan cita-cita penjajah yang mengakibatkan kurangnya berlaku perhubungan antara pelbagai kaum tersebut. Situasi tersebut telah mencetuskan pelbagai sentimen negatif antara kaum dan membantutkan pembinaan negara maju. Sehubungan itu, novel *Biru Warna* berupaya membawa persoalan kemasyarakatan yang berupaya membawa iktibar dan pengajaran kepada masyarakat dalam dunia realiti.

## **PENYIMPANGAN SOSIAL**

Pluralisme adalah kepelbagaian atau kemajmukan. Masyarakat pluralisme adalah merujuk kepada masyarakat majmuk yang terdiri daripada kepelbagaian bangsa atau kaum yang mendiami sesuatu wilayah atau negara. Masyarakat tersebut mengamalkan kepelbagaian budaya dan tradisi. Penyimpangan sosial dalam skop kajian ini adalah bersangkutan dengan isu atau permasalahan yang melanda masyarakat yang berbilang kaum. Contohnya, ketidakpuasan hati antara kaum, penipuan serta penindasan yang dilakukan terhadap kaum yang berbeza agama dan kepercayaan. Novel *Biru Warna* turut memaparkan permasalahan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu dan Cina.

Penulis memaparkan persoalan penipuan dan penindasan dalam perniagaan yang dilakukan oleh tauke Ah Kau terhadap seorang kanak-kanak Melayu. Ketika tauke Ah Kau berjual beli telur ayam dengan seorang kanak-kanak Melayu, beliau telah mengambil untung yang berlebihan. Beliau telah menipu kanak-kanak tersebut dengan mengatakan bahawa harga sebiji telur ayam kampung yang dijualnya adalah empat sen. Sebenarnya, beliau telah menjual telur ayam kampung tersebut dengan harga enam sen sebiji. Ia menggambarkan sikap tidak jujur tauke Ah Kau dan perbuatannya itu berupaya mencetuskan sentimen perkauman dalam kalangan masyarakatnya. Selain itu, tauke Ah Kau juga gemar menipu dan mengaut keuntungan yang berlebihan daripada penduduk kampung. Kedai Ah Kau merupakan peniaga tunggal di kampung yang menjadi tumpuan penduduk kampung mendapatkan barang-barang keperluan harian. Sehubungan itu, tauke Ah Kau telah mengambil kesempatan terhadap pelanggannya. Berikut adalah contoh petikan yang memaparkan fenomena tersebut:

Ah Kau di belakang meja kecilnya sedang menghitung wangnya. Masuk seorang budak perempuan.

"Ba!" budak itu memanggil.

"Hwa, apa mau kecik," Tanya Ah Kau.

"Ini sepuluh biji telur." Raga diserahkan kepada Ah Kau. "Aa, empat sen satu biji."

"Eh, emak bilang enam sen."

"Mana boleh, sikalang halaga tiulun, empat sen gua angkat, libeh gua tak mau."

"Kasi ikan bilis sepuluh sen, kata budak itu setelah sekejap menjeling-jeling benci terhadap Ba itu.

"Swee Lan," Ah Kau memanggil anaknya yang belum selesai makan. Sepit



diletakkan di sebelah mangkuk nasi lembiknya. Kemudian Swee Lan sudah membungkus barang-barang.

"Timbang kurang-kurang sikit," Ah Kau memesan dalam bahasanya.

Swee Lan mengangguk, tetapi tidak diikutinya pesan ayahnya itu.

*(Biru Warna, 1964:38-39)*

Penubuhan Malayan Union oleh penjajah Inggeris telah mencetuskan rasa ketidakpuasan hati dalam kalangan masyarakat peribumi iaitu kaum Melayu. Penubuhan Malayan Union telah menggugat hak istimewa kaum Melayu. Kedaulatan raja-raja Melayu dihapuskan manakala sultan hanyalah satu gelaran dan mereka hanya boleh bersuara dalam soal yang menyentuh agama Islam. Hak kerakyatan yang sama bagi semua orang tanpa mengambil kira bangsa dan keturunan turut dilaksanakan. Antaranya, bagi yang telah menetap di Tanah Melayu sebelum Malayan Union, dibolehkan menjadi warganegara jika berumur 18 tahun ke atas dan telah menetap selama 10 tahun. Warganegara diberi kepada sesiapa sahaja yang lahir di Tanah Melayu setelah pengenalan Malayan Union. Taraf kewarganegaran diberikan kepada semua ini turut dikenali sebagai '*jus soli*'. Ia sebagaimana petikan berikut:

Bersama-sama mereka di pintu melihat Swee Lan pulang. Bersama-sama pula mereka ke dalam mendengar berita dari Mahmud.

"Siapa yang punya negeri ini? Mahmud yang sedang duduk di kerusi yang hanya sebuah di dalam rumah itu, untuk kegunaannya menulis ringkasan mengajar, bertanya.

"Kitalah ayah," jawab Ali.

"Siapa kita itu? Siapa?"

"Orang Melayu."

"Apa pasal Pakcik?" tanya Ramli kepada Mahmud yang bergelora semangat dan jiwanya.

"Apa pasal kata kau? Haji Ahmad tak cakapkan?"

"Belum."

"Pasal negeri kita nak dirampas, nak diberi pada orang lain!"

Merah matanya. "Itulah pasalnya! Lihat Ah Kau tu! Lihat berapa banyak darah orang kampung yang dia hisap. Sekarang Malayan Union. Ah Kau bukan saja dapat kekayaan negeri ini. Dia nanti dapat hak macam kita juga! Itu pasalnya!"

*(Biru Warna, 1964:43)*

Petikan di atas jelas menggambarkan rasa tidak puas hati cikgu Mahmud terhadap penubuhan Malayan Union di Tanah Melayu. Malayan Union secara tidak langsung menghakiskan hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu kerana para imigran iaitu kaum Cina dan India turut mendapat hak yang sama seperti orang Melayu.

Menerusi novel *Biru Warna*, penyimpangan sosial turut diperlihatkan menerusi watak-watak yang mewakili masyarakat majmuk iaitu Ramli dan Swee Lan. Ramli yang merupakan seorang guru agama telah bertukar sikap dan telah tersasar dari landasan agama Islam. Manakala Swee Lan pula telah tersisih dari keluarganya kerana keputusannya memilih Ramli sebagai teman hidupnya. Rahim pula telah melanggar batas-batas agama Islam setelah didapati berzina dengan Tan Gek Hoon anak gadis tauke Ba. Berikut adalah contoh petikan yang menggambarkan fenomena tersebut:

Petikan 1:

‘Tapi kau tak payah mengorbankan ugama. Kau tak payah mengorbankan ibu bapa kau?’ Swee Lan cuba mententeramkan. ‘Bapa aku tidak mengakui aku jauh lebih dari dulu daripada bapa kau membuang dari haknya,’ Ramli memandang Swee Lan tepat. ‘Ya,’ kata Swee Lan yang serba salah sambil mengelakkan pandangan Ramli. ‘Tapi kau tak perlu membuang ugama kau.’ ‘Benar sayang. Aku tak payah bertukar agama. Tapi aku telah bertukar sikap. Aku bukan lagi seorang guru agama. Waktu dulu hatiku berkacau. Tapi dalam kekacauan aku masih mempunyai sikap seorang guru agama.’ ‘Tapi kau masih seorang guru ugama sekarang, Ram. Pendirian kau masih pendirian seorang Islam. Aku belum membuat kau lari dari ugamamu’. Swee Lan cuba membela dirinya.

*(Biru Warna, 1966:270-271)*

Petikan 2:

‘Saad pukul dia?’

‘Ya, Saad pukul dia,’ kata Mahmud.

‘Tapi mengapa?’ Ramli bertanya.

‘Dia berzina,’ Mahmud menjawab tegas. ‘Berzina?’ ‘Ya, Ramli. Dengan Tan Gek Hoon, anak Ba kedai,’ kata Mahmud.

‘Allah! Allah! Astaghfirullah!’ lagi suara Haji Harun.

"Tapi," kata Ramli. "Bukankah dia dah kawin! Saad Pelesit tu musuh besar dia Pak Cik. Dia buat fitnah barangkali!"

"Kau tau pondok kecil tepi pagar di kampung ayah kau?" Mahmud bertanya.

"Kampung Sulung?" Tanya Ramli.

"Ya, tempat kau dengan... dengan abang Si Hasan bermain."

"Oh, di situ dia dipukul Saad?"

"Ya, Ramli. Setelah dia cuba melawan Saad."

"Tapi macam mana pula dengan Geek Hoon?"

"Gek Hoon tertangkap bersama-sama Rahim. Dan ayah kau dipanggil melihat."

"Ya, Allah. Ya, Allah!" kata Haji Harun. "Aku beri dia isteri, nak. Aku beri dia tanah. Aku buat dia rumah. Aku memujuk dia nak, sebab kau dah tinggalkan ayah. Ayah tak dapat biarkan hati ayah kosong. Jadi, ayah serah semua hati ayah kepada dia, nak. Ayah beri apa yang dia mau. Tiba-tiba begini dia balas budi ayah, nak. Dia berzina dengan anak China pula!"

*(Biru Warna, 1966:275)*

## **IDEOLOGI**

Ideologi adalah pendapat dengan tujuan mempengaruhi serta untuk mendapat sokongan daripada orang ramai. Novel *Biru Warna* turut menyuguhkan persoalan mengenai ideologi yang dipunyai oleh masyarakat berbilang kaum. Pemikiran dan ideologi masyarakat yang mewakili watak-watak berbilang kaum seperti Melayu dan Cina digambarkan menerusi novel *Biru Warna*. Penulis novel *Biru Warna* turut memperlihatkan sikap segelintir masyarakat Melayu dan Cina yang tidak senang dengan perhubungan atau persahabatan antara satu sama lain. Berikut adalah contoh petikan yang memaparkan persepsi kaum Cina berkenaan kahwin campur:

"Engkau sudah besar. Aku berniaga mau untung. Tak mahu datuk nenek marah. Kau terlalu rapat berkawan dengan Ali. Nanti datuk nenek marah. Kita tak ada ong-tak ada untung. Rugilah kita. Ali tu orang Melayu. Kita bangsa Cina. Bangsa besar di dunia ini. Kita kahwin sama sebangsa. Jaga sikit, nak?"

*(Biru Warna, 1966:124)*

Petikan di atas menggambarkan sikap Ah Kau yang tidak menyenangi hubungan antara anak perempuannya iaitu Swee Lan dan Ali. Ikatan perkahwinan antara kaum yang berbeza memerlukan pengorbanan yang sukar untuk diharungi. Ah Kau menentang

hubungan anak perempuannya dengan kaum asing kerana menganggap ia akan mempengaruhi kejayaan keluarga mereka dalam bidang perniagaan. Sekiranya kaum Cina berkahwin dengan berlainan bangsa adalah dipercayai perniagaan mereka tidak akan memperoleh keuntungan. Selain itu, perhubungan yang dijalinkan itu akan menyebabkan kemarahan roh datuk nenek mereka yang telah lama meninggal dunia. Petikan di atas menggambarkan ideologi tauke Ah Kau iaitu kaum Cina adalah bangsa yang mempunyai tinggi kedudukannya berbanding bangsa lain di dunia. Kaum Cina turut dilarang mengamalkan perkahwinan campur. Fenomena tersebut menggambarkan pendirian tegas Ah Kau yang kuat pegangannya terhadap budaya dan tamadun nenek moyangnya. Ah Kau tidak mahu anaknya melanggar adat dan budaya nenek moyang mereka semata-mata ingin berkahwin dengan kaum Melayu yang dianggap rendah tarafnya. Antara petikan menerusi novel *Biru Warna* yang turut menggambarkan fenomena tersebut adalah:

Mereka sama terduduk di kerusi. Mata masing-masing mengarah ke jendela. Pandang mereka tertumpu jauh ke sana... ke langit yang terang dan jernih birunya.

Lama mereka termenung.

"Apa yang kau menungkan, Ram?" Swee Lan bertanya.

"Kekosongan," kata Ramli.

"Kekosongan?" Swee Lan kebimbangan.

"Kekacauan," kata Ramli, pandangnya ke siling.

"Kekacauan?" Swee Lan lebih-lebih bersungguh-sungguh.

"Pengorbanan," kata Ramli, pandangnya masih di siling.

"Pengorbanan kau?" Swee Lan bertanya lagi.

"Ya. Pengorbananku."

"Tapi kau tak payah mengorbankan ugama. Kau tak payah mengorbankan ibubapa kau?" Swee Lan cuba mententeramkan.

"Bapa aku tidak mengakui aku jauh lebih dulu daripada bapa kau membuang kau dari haknya," Ramli memandang Swee Lan tepat.

"Ya," kata Swee Lan yang serba salah sambil mengelakkan pandang Ramli. "Tapi kau tak perlu membuang ugama kau."

*(Biru Warna, 1966:270)*

## **PENUTUP**

Terdapat pelbagai persoalan menerusi novel *Biru Warna* karya Awang Had Salleh yang melatari isu-isu integrasi sosial. Antaranya adalah isu keterbukaan dari segi pendidikan serta budaya, isu penolakan dari segi perkahwinan campur, penyimpangan sosial dan ideologi. Ia sebagaimana kajian oleh Asmiaty Amat iaitu integrasi sosial adalah melibatkan perkahwinan campur, persahabatan, pendidikan dan juga masalah-masalah sosial. Sehubungan itu, novel *Biru Warna* adalah amat sesuai untuk dijadikan bahan bacaan kepada semua lapisan masyarakat kerana novel ini menyisipkan pelbagai ilmu, ikhtibar dan pengajaran mengenai perpaduan dan integrasi dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Selain itu, novel *Biru Warna* turut memuatkan disiplin ilmu sejarah yang diadaptasi menerusi pengalaman dan pemerhatian penulisnya pada zaman imperialisme. Sehubungan itu, novel ini berupaya memainkan peranan penting iaitu menyampaikan ilmu agar masyarakat bersatu padu, berfikiran positif serta berusaha ke arah perpaduan negara. Setiap individu perlu merealisasikan strategi serta dasar-dasar negara yang telah dibentuk oleh pihak kerajaan. Ia adalah amat penting ke arah perpaduan dan kemajuan negara menjelang Wawasan 2020. Setelah merungkai isu-isu integrasi menerusi novel *Biru Warna*, pengkaji mendapati bahawa novel ini berupaya bertindak sebagai wahana kesedaran dan suntikan perpaduan kepada pelbagai lapisan masyarakat di negara ini. Ia dapat diperkukuhkan lagi dengan kenyataan oleh Chew Fong Peng (2009:1) yang menyatakan bahawa hasil kesusasteraan Melayu itu sendiri telah dikenalpasti sebagai mekanisme yang berkesan untuk menyatukan dan memupuk integrasi rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

## **RUJUKAN**

- A.M Thani, 1990. *Integrasi Sosial dalam Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmiaty Amat, 2000. *Hubungan Kaum dalam Novel Melayu Pasca Merdeka 1957-1969*. Sabahi Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa: Universiti Malaysia Sabah.
- Awang Had Salleh, 1964. *Biru Warna*. Kuala Lumpur: Usaha Penerbitan Menara.
- Chew Fong Peng, 2009. Pendidikan Sastera Perpaduan Menerusi Komsas Tingkatan 4: Pelaksanaan dan Kesannya. Dlm. *Jurnal Pendidikan* 34(2) Hlm. 15-31.
- Chew Fong Peng, 2008. "Persepsi Khalayak Terhadap Isu-Isu Pendidikan Sastera Perpaduan", Dlm. *Jurnal Sari* 26. (2000) Hlm. 3-25.

- Mardiana & Hasnah, 2000. *Pengajian Malaysia Selangor*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Ridhwan Tee Abdullah, 2010. Cabaran Integrasi Antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan. Dlm. *Jurnal Hadhari*. Bil. 3 Hlm. 61-84.
- Mohd Salleh Lebar, 1998. *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*. Selangor: Thinkers Library.
- Noriati A. Rashid (et sl.), 2010. *Guru dan Cabaran Semasa*. Shah Alam: Oxford.
- Shellabear, W.G., 1997. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- [http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/1Malaysia\\_B.pdf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/1Malaysia_B.pdf) Di akses pada 12 Mei 2013
- [www.slideshare.net/aziyanah/penggabungjalinan-kesepaduan-dalam mp-pj](http://www.slideshare.net/aziyanah/penggabungjalinan-kesepaduan-dalam-mp-pj) di akses pada 2 Jun 2013